

PM minta rakyat eratkan hubungan

BH 16 FEB 1988

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta masyarakat pelbagai kaum di negara ini mengambil kesempatan sempena perayaan Tahun Baru Cina, yang akan disambut Rabu ini, untuk meningkatkan persaudaraan dan persefahaman antara kaum.

Perdana Menteri menegaskan semangat persaudaraan, persefahaman, kesanggupan bertolak ansur dan hormat-menghormati dalam masyarakat berbilang kaum amat mustahak bagi menjamin kestabilan dan pembangunan negara.

Dalam perutusan Tahun Baru Cina, beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah juga meminta segenap lapisan rakyat berusaha lebih kuat demi kemakmuran negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mengikut kepercayaan masyarakat Cina, ketibaan Tahun Naga yang disambut tahun ini akan membawa kemakmuran.

Presiden MCA, Datuk Dr Ling Liong Sik, dalam perutusannya pula berharap rakyat pelbagai kaum akan membina Malaysia yang bersatu padu berasaskan persamaan yang wujud.

Demi mencapai harapan itu, beliau berharap perbezaan yang wujud di kalangan rakyat dapat dikurangkan.

Datuk Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata rakyat akan lebih bertolak ansur jika mereka insaf mengenai hakikat bahawa setiap komuniti mempunyai sensitivitinya sendiri.

"Biarlah kita berjaga-jaga supaya tidak menyinggung perasaan orang lain," katanya.

Datuk Dr Ling berharap semua kaum bekerjasama lebih erat

bagi meninggikan daya pengeluaran.

Beliau yakin rakyat akan mencapai kejayaan lebih cemerlang jika berusaha bersungguhsungguh dan mempunyai disiplin yang tinggi.

"Menurut kepercayaan orang Cina, Tahun Naga melambangkan tahun bertuah dan membawa harapan cerah serta hidup lebih bahagia, aman dan mewah," katanya.

Presiden MIC, Datuk S Samy Vellu, juga mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakyat keturunan Cina.

Beliau, yang juga Menteri Kerjaraya, berharap Tahun Naga akan membawa kesejahteraan kepada seluruh rakyat.

Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Kheng Yaik, dalam perutusannya pula meminta setiap rakyat supaya yakin terhadap potensi jangka panjang ekonomi negara ini yang kaya dengan sumber-sumber dan kebudayaan.

Beliau juga meminta rakyat menerima hakikat bahawa setiap negara mempunyai masalah tetapi yang penting ialah mereka perlu yakin fungsi dan keupayaan masing-masing bagi menyumbang ke arah kestabilan, perpaduan dan kemakmuran negara.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, pula meminta rakyat supaya saling bertolak ansur kerana hanya kerjasama dengan semangat tolok ansur akan memastikan rakyat beroleh kejayaan.

Datuk Pairin berkata masanya sudah tiba bukan sahaja untuk mempereratkan hubungan sesama anggota keluarga tetapi juga dengan anggota masyarakat yang lain tanpa mengira latar belakang etnik dan budaya.